

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 24 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 24

Lulus AP ikut garis panduan

Sungai Petani: Dakwaan kilang kitar semula yang diluluskan lesen import (AP) sisa plastik boleh menjejaskan alam sekitar adalah tidak tepat.

Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul berkata, keputusan meluluskan lesen import (AP) sisa plastik kepada syarikat kitar semula mengikut garis panduan yang ditetapkan.

"Apabila kerajaan negeri meluluskan semula lesen kilang berkenaan, ia mendapat kebenaran daripada Kerajaan Pusat yang sudah tentu mengikut garis panduan.

"Saya juga difahamkan apa yang dilaporkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu tidak tepat dengan data sebenar yang ada pada pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan Persatuan Tindak Alam Sekitar Sungai Petani (PTAS SP) yang mengadakan bantahan di Dataran Zero, kelmarin.

Lebih 100 aktivis alam sekitar berkumpul bagi membantah rancangan kerajaan mengeluarkan enam lesen baru kepada kilang kitar semula di negeri itu.